
SIARAN MEDIA
3 Julai 2025

ECoS Perelaskan Isu Keperluan Lawatan Berkala Orang Kompeten Ke Atas Pemasangan Standby Genset

KOTA KINABALU, 3 Julai - Energy Commission of Sabah (ECoS) mengambil maklum rungutan daripada pemunya genset di premis rumah kediaman mengenai keperluan lawatan berkala oleh Orang Kompeten selaras dengan Enakmen Bekalan Elektrik 2024.

Ketua Pegawai Eksekutif ECoS, Datuk Ir. Abdul Nasser bin Abdul Wahid menjelaskan bahawa berdasarkan Peraturan sedia ada, tidak semua pemasangan berdaftar standby genset memerlukan lawatan berkala orang kompeten. Bagi pemasangan standby genset pada tahap voltan rendah dan menerima bekalan menggunakan alat suis pada kadaran kurang 100 ampere samada rumah kediaman, premis komersial dan industri adalah tidak memerlukan lawatan berkala Orang Kompeten.

ECoS juga memutuskan untuk tidak mewajibkan lawatan berkala bagi pemasangan berdaftar voltan rendah melibatkan rumah kediaman dan premis komersil yang mendapat bekalan melalui alat suis pada kadaran melebihi 100 ampere tetapi kurang daripada 300 ampere. Manakala bagi premis industri termasuk stesen-stesen minyak boleh dikurangkan daripada sebulan sekali kepada tiga bulan sekali.

Bagi pemasangan berdaftar premis komersil dan industri bersaiz besar iaitu yang mendapat bekalan pada tahap voltan 11,000 volt, pengurangan boleh dipertimbangkan daripada dua kali setiap bulan kepada satu kali setiap bulan. Manakala pemasangan pada tahap voltan melebihi 11,000 volt sehingga 132,000 volt, pengurangan boleh dipertimbangkan daripada empat kali setiap bulan kepada dua kali setiap bulan.

Ini disebabkan kerana bagi pemasangan di premis komersial dan industri tersebut, sekiranya berlaku sebarang kegagalan operasi, ia boleh mendatangkan risiko yang lebih besar bukan sahaja kepada pemunya tetapi kepada pekerja yang mengendalikan pemasangan, penghuni dan orang awam.

Keputusan ini dibuat selaras dengan punca kuasa di bawah Peraturan 72, Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 2024. Walaubagaimanapun, sebarang pengurangan kekerapan lawatan yang dinyatakan di atas perlu dipohon dan masih tertakluk kepada pengesahan tahap keselamatan yang akan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai ECoS.

Nasser berkata walaupun pengecualian dan pengurangan kekerapan lawatan diberikan, pemunya pemasangan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pemasangan berada dalam keadaan selamat.

Mengenai ECoS

Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) adalah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah sejak 10 Januari 2023. Ia berfungsi sebagai pengawal selia untuk sektor tenaga dalam portfolio Ketua Menteri. Objektif utama ECoS adalah untuk memastikan tenaga yang selamat, mampan, mampu milik, dan mudah diakses untuk Negeri Sabah. ECoS memainkan peranan penting dalam membentuk landskap tenaga Sabah, menggalakkan amalan tenaga yang bertanggungjawab, dan melindungi kepentingan pengguna serta alam sekitar.

SIARAN MEDIA 3 Julai 2025

Nasser juga menyeru agar pemunya pemasangan merujuk kepada pejabat ECoS atau melayari portal Talk2ECoS dalam laman sesawang www.ecos.gov.my sekiranya terdapat isu yang timbul mengenai perkara ini di masa hadapan.

Pemasangan		KEKERAPAN ASAL	KEKERAPAN BARU		
		Berdasarkan Peraturan 70(2) Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 2024	Berdasarkan punca kuasa di bawah Peraturan 72 Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 2024		
Tahap voltan Bekalan	Kadaran Alatsuis		Rumah Kediaman	Komersil <i>(termasuk premis kerajaan dan rumah ibadah)</i>	Industri <i>(termasuk stesen minyak, perlombongan dan kuari)</i>
Tidak melebihi 600 volt (voltan rendah)	Tidak melebihi 100A	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan		
	Melebihi 100A tetapi tidak melebihi 300A	Sekurang-kurangnya 1 kali setiap bulan	Tidak diwajibkan		Sekurang-kurangnya 1 kali setiap 3 bulan
	Melebihi 300A		Sekurang-kurangnya 1 kali setiap 3 bulan		
Melebihi 600 volt sehingga 11,000 volt	Semua kadar	Sekurang-kurangnya 2 kali setiap bulan		Sekurang-kurangnya 1 kali setiap bulan	
Melebihi 11,000 volt sehingga 132,000 volt	Semua kadar	Sekurang-kurangnya 4 kali setiap bulan		Sekurang-kurangnya 2 kali setiap bulan	
Bagi premis pemasangan sementara, Tapak pembinaan dan Taman Hiburan Awam yang mendapat bekalan pada tahap voltan tidak melebihi 600 volt dan kadaran alatsuis melebihi 100 ampere, kekerapan lawatan dikekalkan sekurang-kurangnya 1 kali setiap bulan.					

[tamat]

Mengenai ECoS

Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) adalah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah sejak 10 Januari 2023. Ia berfungsi sebagai pengawal selia untuk sektor tenaga dalam portfolio Ketua Menteri. Objektif utama ECoS adalah untuk memastikan tenaga yang selamat, mampan, mampu milik, dan mudah diakses untuk Negeri Sabah. ECoS memainkan peranan penting dalam membentuk landskap tenaga Sabah, menggalakkan amalan tenaga yang bertanggungjawab, dan melindungi kepentingan pengguna serta alam sekitar.